



KAYUHAN SUKSIS MERDEKA 60 JELAJAH JOHOR

Segamat: UiTM Cawangan Johor dengan kerjasama Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor telah menganjurkan Program "KAYUHAN SUKSIS MERDEKA 60 JELAJAH JOHOR" sempena sambutan 60 tahun merdeka dan sambutan 5 tahun penubuhan KOR SUKSIS di UiTM Cawangan Johor.

Program yang melibatkan seramai 50 pelajar KOR SUKSIS UiTM Cawangan Johor ini bermula dari 21 Ogos hingga 24 Ogos dengan laluan kayuhan meliputi 4 Daerah iaitu Segamat, Muar, Batu Pahat, Pontian dan berakhir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor Bahru. Majlis pelepasan peserta kayuhan di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Azizan Abdullah, Rektor UiTM Cawangan Johor dan Superitendan Raub Bin Selamat, Ketua Polis Daerah Segamat. Majlis penutup pula disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Khalil Bin Kader Mohd, Ketua Polis Johor di IPK Johor.

Sepanjang kayuhan selama 4 hari itu, peserta turut terlibat dengan program yang berbentuk motivasi yang diadakan dengan pelajar-pelajar di 3 buah sekolah terpilih yang berada di laluan kayuhan iaitu, Sekolah Menengah Sains Muar, SMK Dato Onn, Batu Pahat dan SMK Dato' Penggawa Barat, Pontian.

Program ini bertujuan mempromosikan aktiviti kesukarelawan unit beruniform PDRM dan UiTM Cawangan Johor kepada masyarakat di negeri Johor agar mereka merasa lebih dekat dengan pasukan PDRM dan UiTM. Selain itu, program ini juga seiring dengan matlamat UiTM untuk menggalakkan masyarakat kampus bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan riadah dan mengamalkan gaya hidup sihat di samping mengeratkan hubungan dengan anggota PDRM, pelatih kadet polis sekolah, pelajar sekolah dan masyarakat setempat.



KOMANDER UiTM JOHOR UNGGUL DI PERTANDINGAN PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2017

Segamat: Seperti tahun-tahun sebelum ini, UiTM Cawangan Johor tidak ketinggalan untuk menyertai acara perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2017 Peringkat Daerah Segamat yang diadakan pada 31 Ogos bertempat di Dataran Segamat. Ramai pelajar dan staf UiTM Cawangan Johor mengambil bahagian dalam acara perbarisan ini. UiTM diwakili oleh Kontinjen yang diwakili oleh staf pentadbiran dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (Institusi Pendidikan/IPT), Kontinjen yang terdiri daripada 40 orang Komander Kesatria (Badan Beruniform) dan Kontinjen yang terdiri daripada 70 orang pelajar Brass Band. Selain itu, penghormatan telah diberikan kepada UiTM di mana seramai 63 orang ahli Komander Kesatria telah diamanahkan untuk membawa bendera Malaysia manakala 63 orang pelajar lagi yang terdiri daripada Komander Kesatria dan KOR SUKSIS untuk membawa bendera Johor. Kontinjen Komander Kesatria UiTM Cawangan Johor telah menjuarai Pertandingan Perbarisan bagi Kategori Badan Beruniform.



MISI AKADEMIK DI SMK DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK

Yong Peng: Pada 7 Ogos yang lalu, UiTM Cawangan Johor telah menyertai Program Pameran Pendidikan dan Kerjaya di Dewan Sri SDARA SMK Dato' Abdul Rahman Andak. Seperti kebiasaannya, booth UiTM mendapat sambutan hangat para pelajar yang ingin mengetahui program-program yang ditawarkan oleh UiTM dan kelayakan untuk memohon sesuatu program itu. Program yang bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada pukul 2.00 petang itu melibatkan penyertaan daripada beberapa buah Universiti Awam dan Swasta.



LAWATAN BALAS BARISAN MPP UiTM SARAWAK KE JOHOR

Segamat: Seramai 25 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Johor telah mengadakan lawatan ke Kampus Segamat pada 8 hingga 10 Ogos baru-baru ini. Ini merupakan lawatan balas ke atas lawatan barisan MPP UiTM CJ ke Sarawak pada 24 hingga 26 Julai lalu. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan mereka ke sini adalah lawatan sekitar kampus, lawatan ke Perpustakaan Tun Dr Ismail, lawatan ke CIMB Trading Room, Sesi Dialog bersama Timbalan Rektor HEP dan barisan MPP UiTM CJ. Yang Dipertua MPP UiTM CJ, Saudara Muhammad Irfan Najmi Bin Marzuki berkata, lawatan seumpama ini dapat mengeratkan silaturrahim bersama barisan MPP dari kampus lain dan mereka sedikit sebanyak dapat berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pendapat untuk kebaikan pelajar. Delegasi dari Sarawak diketuai oleh Yang Dipertua MPP, Saudari Nur Sofrina Lawrence dan Encik Muhammad Fikri Bin Othman selaku pegawai pengiring.



MINI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF 2017 PERINGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR

Segamat: Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2017 telah berlangsung pada 14 Ogos 2017 di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Sebanyak 13 kumpulan KIK telah menyertai konvensyen kali ini. Berikut adalah senarai pemenang yang berjaya:

Tempat pertama	: Idealistik
Tempat kedua	: Info 10
Tempat ketiga	: Technolicious
Anugerah Inovasi ICT	: Info 10
Anugerah Teknikal	: Idealistik
Anugerah Inovasi Kaedah P&P	: Majora Regalia
Anugerah Dokumentasi Terbaik	: Info 10

Tahniah diucapkan kepada pemenang yang juga akan mewakili UiTM CJ di Konvensyen KIK Zon Selatan yang akan diadakan di Kampus Kuala Pilah.



SIRI JELAJAH PEMANTAUAN GERAN & TAKLIMAT IMPAK PENYELIDIKAN

Segamat: Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) telah mengadakan Siri Jelajah Pemantauan Geran & Taklimat Impak Penyelidikan di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat pada 21 Ogos yang lalu bertempat di Bilik Sekretariat. Program diadakan untuk membantu para penyelidik berkenaan urusan kewangan geran, prestasi dan pencapaian KPI penyelidikan serta penghasilan penerbitan berimpak tinggi. Program dihadiri oleh pemegang-pemegang geran dan pensyarah UiTM CJ.



TAHNIAH KEPADA PEMENANG

E-CONDEV 2017

Introduction to fluid mechanics (EMAS)

Norhisyam Jenal, Hazimi Ismail
Siti Aishah Taib, Azmi Roslan

Basic communication engineering (GANGSA)

Noor Hafizah Khairul Anuar,
Nor Affida M. Zin, Mas-Maria Abdul Majid,
Fadila Mohd Atan

Basic of electrical measurement (GANGSA)

Siti Aminah Nordin, Noor Fadzilah
Dr. Zakiah Mohd Yusoff,
Shakira Azeehan Azli

Introduction to microelectronics (GANGSA)

Mastura Omar, Kamaru Adzha Kadiran
Zahari Abu Bakar, Rozi Rifin

Digital systems (GANGSA)

Rozi Riffin, Kamarul Adzha Kadiran,
Mas-Maria, Siti Musliha Ajmal Mokhtar

i-TeLearn 2017

Mock trading simulation - MTS 2.0 (EMAS)

Oswald Timothy Edward, Shashazrina Roslan
Kharudin Mohd Sali, Mohd Asri Ahmad

Arabic sound: laugh to learn to laugh (EMAS)

Munirah Azrae, Farhana Idris
Ummi Syarah Ismail, Hanifah Musa Fathullah Harun

Risk and insurance top 10 best selling title: transformation of a manual to an integrated learning tool (PERAK)

Oswald Timothy Edward, Azitadoly Mohd Arifin,
Nurul Aida Harun, Norfaezah Mohd Shahren,
Faziatul Amilia Basir

Mnemonic images memory technique in learning law (PERAK)

Noraini Ismail, Aliyah Ali, Nurulhasni Shaari

CDIO: the new teaching and learning approach in separation processes course (PERAK)

Sharifah Izuana, Salmi Nur Ain, Arbanah Muhammad,
Siti Hajar Anaziah Muhamad, Siti Noor Adeib Idris

Intelligent Based Knowledge System: Stock market simulation (PERAK)

Syamsyul Samsudin, Nik Nur Syafika, Nor Haliza Hamzah,
Husnizam Hosin, Noor Izah Ismail